

“Pakcik pun nak try.” Inilah kata yang dilafaskan oleh individu yang bernama Hadis Bin Hassan, 58 tahun ketika melangkah kaki masuk ke Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Jelai 4 sekitar awal Februari 2014. En. Hadis lebih dikenali dengan panggilan mesra Pak Dis, merupakan ayah kepada dua orang anak, bekerja sebagai seorang penoreh getah, telah menetap di Felda Jelai 4 hampir 30 tahun bersama keluarganya.

Sifat Pak Dis yang ramah dan mesra dengan komuniti setempat serta suka mempelajari benda baru telah menarik minatnya untuk mempunyai sebuah telefon pintar supaya dapat mempelajari teknologi

Pakcik Pun Nak 'Try'

Nama | **Hadis Bin Hassan**
Lokasi PI1M | **PI1M Felda Jelai 4, Bangunan Balairaya (f), Jelai 4, 73480 Gemas, Negeri Sembilan Darul Khusus**
Pemberi Perkhidmatan | **Celcom Axiata Berhad**

terkini yang ada, yang tidak terhad menggunakan telefon untuk membuat panggilan dan menghantar khidmat pesanan ringkas sahaja (SMS).

Pertemuan Pak Dis dengan pihak PI1M Jelai 4 bermula apabila beliau berhajat untuk memiliki telefon mudah alih kerana minatnya untuk mengetahui teknologi dan penggunaan internet dengan lebih mendalam. Akhirnya, beliau telah membeli sebuah telefon pintar dan meminta petugas PI1M Felda Jelai 4 untuk mengajar beliau cara-cara untuk memuat turun aplikasi dari Google Play Store, penggunaan aplikasi sosial WeChat dan sebagainya.

Atas bantuan petugas PI1M Jelai 4, Pak Dis bukan sahaja telah



Pak Dis dah try, makcik pun nak try.

membuka akaun laman sosial Facebook dan mempelajari kemahiran asas komputer. Malah, beliau telah merujuk kepada khidmat nasihat petugas PI1M untuk mempelajari selok belok aplikasi telefon pintar khususnya bagaimana untuk menonton video melalui YouTube, dan juga berhubung dengan rakan-rakan melalui aplikasi sosial WeChat, WhatsApp dan juga Line.

Pak Dis kini telah pandai menggunakan telefon pintar sepenuhnya setelah datang setiap minggu tanpa jemu untuk mempelajari menggunakan telefon pintar. Keterujaannya dalam mempelajari ilmu IT ini juga turut dikongsi bersama sahabat baiknya Atok Talib, 67 tahun, seorang pakcik yang

suka teknologi terkini juga. Beliau juga berminat untuk memiliki sebuah telefon pintar setelah dua kali mengikuti Pak Dis menghadiri kelas ICT di PI1M Jelai 4. “Dik, atok pakai *handphone* ni tak ada *colour* la, nanti atok datang bawa *handphone* besar”, kata Atok Talib pada pertemuan kali pertama di PI1M dahulu membuatkan kami warga PI1M berasa

gembira dengan reaksi dan kejayaan menambahkan ilmu pengetahuan yang kini dimiliki oleh Pak Dis dan Atok Talib. Disebabkan pengaruh Pak Dis, isterinya, Pn. Salmah Binti Mohd Isa, 50 tahun, pun telah membeli sebuah telefon pintar untuk belajar menggunakan aplikasi sosial seperti WhatsApp untuk berhubung dengan rakan-rakan.



Pak Dis sedang menunjukkan cara penggunaan Facebook sambil memberi penjelasan caranya kepada Atok Talib. (Kanan)



Pak Dis bersemangat nak belajar ICT dan teknologi terkini.